



KENYATAAN TENDER (KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

**PERKHIDMATAN PAKEJ KAWALAN KESELAMATAN DI KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA, KOMPLEKS KEJIRANAN, KOMPLEKS SUKAN, PREMIS DAN TAMAN-TAMAN AWAM SERTA TEMPAT LETAK KENDERAAN MILIK PERBADANAN PUTRAJAYA UNTUK TEMPOH 36 BULAN
NO. TENDER : PPj/T/JK/8/2025**

1. Tender adalah dipelawa daripada Syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BENTUK BAYARAN	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah Kod Bidang 220801 (Perkhidmatan Kawalan Keselamatan) Dan Bumiputera Dan Lesen/Permit yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) Dan Sijil Keahlian Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PKIM)	12 Mac 2025 (Rabu) 10.00 pagi Panggung Mawar Sari, Aras 3, Bangunan Annexe 2, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya	12 Mac 2025 (Rabu) sehingga 26 Mac 2025 (Rabu) Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ringgit Malaysia RM500.00 (Tidak dikembalikan) Kad Debit & Kredit / Maybank QRPay & E-Wallet (TnGo, Boost, Grabpay) / Perbankan Internet	7 April 2025 (Isnin) 12.00 tengah hari Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

3. Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berpengalaman sebagaimana tajuk projek.
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Taklimat tender akan diadakan pada **12 Mac 2025 (Rabu), 10.00 pagi** di **Panggung Mawar Sari, Aras 3, Bangunan Annexe 2, Kompleks Perbadanan Putrajaya**. Hanya pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan dibenarkan untuk menghadiri taklimat tender. Sila bawa bersama Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia, Lesen/Permit KDN, Sijil Keahlian PKIM dan Cap Syarikat.
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen. Wakil Syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia dan satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia, Lesen/Permit KDN dan Sijil Keahlian PKIM**.
7. Tender ini akan ditutup pada **7 April 2025** bersamaan hari **Isnin, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang lengkap hendaklah dimasukkan dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dihaskan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.